

CNS3420

U GB 13-09 00213 BA972

aab

MAHATHIR: SEMUA NEGARA DUNIA PATUT SEHIJAU HUTAN TROPIKA - MAHATHIR  
MAHATHIR - Alam Sekitar

KUCHING, 13 Sept (Bernama) -- Sebuah dokumen akan diadakan untuk menggalakkan negara-negara di seluruh dunia menjadikan bumi masing-masing hijau hutan tropika, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Katanya, dokumen itu yang berjudul '+Menghijaukan Dunia+' akan disebar ke seluruh dunia' dengan harapan dapat menyedarkan, terutama negara-negara maju, akan pentingnya kehijauan hutan diwujudkan semula .

+Kita hendak bukan sahaja Malaysia yang sudahpun hijau, tetapi negara-negara maju, berusaha untuk menanam pokok-pokok dan membangunkan hutan di negara mereka,+ katanya pada persidangan akhbar di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching di sini sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur selepas mengadakan lawatan rasmi dua hari ke Sarawak.

Datuk Seri Dr Mahathir yang diiringi oleh Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud, berkata: '+Banyak kawasan di negara maju yang boleh dijadikan hutan dan kita akan membantu mereka daripada segi pemberian benih dan peralatan pertanian supaya sebuah hutan tropika dapat diwujudkan di setiap negara maju+.

Katanya', tindakan untuk mengadakan dokumen itu adalah bagi menunjukkan kepada negara luar, terutamanya negara maju, akan kemampuan Malaysia mewujudkan hutan tropika, contohnya, di kawasan padang pasir California, Amerika Syarikat. -- Lagi.

♥13/09/18-41MST

CNS3424

U GB 13-09 00146 BA973

aab

MAHATHIR - Alam Sekitar 2 Kuching

Menurut beliau, kerajaan sedang dalam proses menyediakan kertas cadangan mengenai dokumen itu.

Perdana Menteri berkata selain itu, Malaysia akan menayangkan sebuah dokumentari mengenai alam sekitar negara ini pada Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel di Harare pada bulan depan sebagai membuktikan negara ini komited kepada Deklarasi Langkawi.

Dokumentari itu juga akan membuktikan Malaysia telah berusaha mengekalkan keadaan alam sekitar di negara ini berbanding dengan keadaan alam sekitar di negara maju, tambahnya.

+Banyak orang tidak mahu terima apa yang dinyatakan oleh kita, oleh itu kita siarkan kepada mereka mengenai apa yang kita telah buat,+ katanya.

Perdana Menteri menegaskan kehadiran Malaysia di '+Persidangan Kemuncak Bumitt tetap bergantung kepada tujuan sebenar persidangan itu diadakan.

+Jika persidangan itu bertujuan untuk menyalahkan negara membangun, mungkin kita tidak akan hadir,+ katanya.

Mengenai lawatannya ke sini, Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau kagum melihat pembangunan yang sedang dijalankan di Sarawak walaupun beliau baru sahaja mengadakan lawatan ke negeri itu baru-baru ini.

Katanya, lawatannya yang secara sambilan ke Sarawak sempena lawatan ke Sabah ini telah memberikan peluang kepadanya melihat banyak perubahan dan pembangunan sedang dijalankan di negeri ini.

Tambahnya, beliau mendapati penduduk negeri ini begitu senang hati dengan khidmat yang telah diberikan oleh kerajaan negeri, dan beliau yakin Barisan Nasional Sarawak akan kembali memerintah negeri ini selepas pilihan raya negeri pada 27 dan 28 Sept ini. -- Bernama..

♥13/09/18-43MST